

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 14 August 1968 > Page 1 > Sa-hari saja lagi bagi keluarga temui 11 di-penjara Pudu

Sa-hari saja lagi bagi keluarga temui 11 di-penjara Pudu

Berita Harian, 14 August 1968, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL5513

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Sa-hari saja lagi bagi keluarga temui 11 di-penjara Pudu

Oleh
ZAINUDDIN BENDAHARA

KUALA LUMPUR, Selasa. KESEMUA 11 orang pemuda yang di-hukum gantung kerana ber-shubahat dengan pencheroboh2 Indonesia ketika konfrantasi telah di-beritahu bahawa ibubapa2 dan keluarga2 mereka hanya akan di-benarkan menziarah mereka hingga hari Khamis ini.

Ini di-beritahu oleh beberapa orang ibu-

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
14 August 1968

Reel Number:
NL5513

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous | Page 1 | Next >

Nama Akhbar

BERITA HARIAN NASKHAH MALAYSIA No. 4340 RABU, 14 OCOS. 1968 —20 JAMADIL-AWAL, 1388.

Wabak Asian Flu tulari S'pura?


Wabak Asian Flu tulari S'pura? (DEMAM SELESEMA) CINGAPLRA, Selasa. Kementerian Kesihatan sedang

114 di-tawan

114 di-tawan Reuter SAIGON. Selaia. Tentè" a2 Vitrnam Selntan telah menawan 114 oranc a >-kar

3 negeri sokong Pahang

View Full Table of Contents




bapa mereka yang melawat ka-Penjara Pudu hari ini. Lebih dari 100 orang saudara mereka juga menziarah dan kemudian menunggu di-luar.

Menurut berita2 semalam, pemuda2 itu mungkin di-gantong Juma'at ini.

Peguam pemuda2 itu, Che P.G. Lim datang menemui 11 orang pemuda itu pada jam 3 petang dan keluar pada kira2 6.15 petang.

Ketika di-tanya akan harapan pemuda2 itu terlepas dari tali gantong, beliau menjawab: "Harapan-nya tipis."




Kata-nya, rayuan-nya kepada Mahkamah Federal untok menanggoh hukuman itu telah dibuat pada 7 Ogos lalu dan beliau tidak pasti bila-kah hal itu akan diputuskan.

Beliau keberatan menngulas apa-kah hukuman gantong itu boleh di-jalankan sa-belum putusan tersebut.


Soal tarikh

Anggota2 Pasokan Polis Penchegah Rusohan berkawal di-luar penjara ketika saudara mara 11 orang pemuda itu menunggu di-luar.



Sementara itu **DI-IPOH**, Naib Yang di-Pertua PPR, Dato S.P. Seenivasagam hari ini menyeru Tengku Abdul Rahman supaya menolong menanggohkan hukuman bunoh ka-atas 11 orang itu.

Dalam sa-buah kenyataan-nya, Dato Seenivasagam berkata: "Jelas sekarang bahawa tarikh menentukan hukuman bunoh ada-lah keputusan pehak pentadbiran -- bukan keputusan undang2.



"Baginda Sultan tidak kena mengena dalam menentukan tarikh hukuman itu di-jalankan. Pehak berkuasa penjara di-bawah Kementerian Dalam Negeri yang menetapkan tarikh hukuman itu."

Dalam sa-buah kenyataan bersama dengan sa-orang peguam bela lain, Enche A. Mahendran, beliau berkata bahawa berita mengenai

10 orang pemuda (Melayu di-Perak) akan di-gantung telah memeranjatkan ibubapa2 dua pemuda Melayu itu — Mohamad Sidin dan Mohamad Nor.

Ka-Parlimen

Tegas - nya, hukuman gantung ka-atas dua orang itu dengan sendirinya di-tunda sa-telah rayuan ulangbichara dimajukan kepada Privy Council.

DI-MELAKA. Presiden PPR Enche D. R. Seenivasagam berkata, Kerajaan akan bersalah kalau 11 orang pemuda

itu di-gantung sa-belum sidang Parlimen Isnin depan.

Kata-nya, ia telah pun memajukan usul mengenai orang2 itu dalam Parlemen dan Speaker Dewan Ra'ayat telah pun memberitahu-nya usul itu akan di-debat dalam Parlemen.

Dengan demikian tidak-lah wajar orang2 itu di-gantung dahulu.

Sementara itu, Enche Goh Hock Guan, Setiausaha Agong DAP juga mendesak supaya pemuda2 itu jangan di-bawa ka-tali gantung sa-belum sidang Parlemen hati Isnin depan.

***Sedang peguambela
berusaha terus,
Polis berkawal
di-luar penjara***





CHE P.G. LIM
'Harapan tipis'

Related Articles



No related article found.

